

Bawa pulang keris

■ Kumpulan pengkaji sejarah UPM runding dapatkan senjata milik Laksamana Hang Tuah dari Okinawa, Jepun

Oleh Syazwan Msar
mohdsyazwan@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Pasukan Pengkaji Sejarah Universiti Putra Malaysia (UPM) akan membawa pulang keris yang dipercayai milik Hang Tuah yang kini berada di Okinawa, Jepun untuk kajian lanjut.

Pensyarah Kanan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM Dr Rohaidah Kamaruddin berkata, keris terbabit dipercayai menjadi lambang diplomatik antara kerajaan Melaka dan Ryukyu (Okinawa) ketika lawatan pahlawan itu pada zaman pemerintahan Sultan Alaudin Riayat Shah.

Beliau berkata, keris berkenaan adalah penting untuk menunjukkan Hang Tuah pernah ke Jepun sebagai 'Duta' selain membuktikan kerajaan Melaka ada menjalinkan hubungan

diplomatik dengan negara lain pada masa itu.

"Saya akan bekerjasama dengan pengkaji sejarah daripada Jepun untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai keris terbabit yang belum dipamerkan kepada umum terutama masyarakat di negara ini.

"Keris terbabit ditemui pengkaji sejarah Jepun sebelum disimpan di muzium sebagai artifak sejarah kerajaan Ryukyu dan usaha membawa pulang khazanah itu masih dalam peringkat perbincangan," katanya, ketika dihubungi, semalam.

Selain itu, Dr Rohaidah berkata, pasukannya juga akan membuat kajian di Istanbul, Turki untuk melihat manuskrip berkaitan pahlawan itu yang masih tersimpan di muzium negara terbabit.

"Saya difahamkan tiada pihak terutama pengkaji



“ Keris terbabit ditemui pengkaji sejarah Jepun sebelum disimpan di muzium sebagai artifak sejarah kerajaan Ryukyu”

Dr Rohaidah Kamaruddin

bagi memperkukuhkan hubungan kedua-dua kerajaan,” katanya.

Sebelum ini, Harian Metro melaporkan ekspedisi Menjejaki Hang Tuah di Goa, India, yang diketuai Dr Rohaidah berjaya menemui manuskrip mengaitkan Hang Tuah yang pernah berkhidmat dengan kerajaan Srivijaya.

Malah, ketika ekspedisi itu, pasukan terbabit turut berjaya menemui pelbagai artifak dipercayai milik kerajaan Melaka yang dibawa Portugis.

sejarah melihat seterusnya mengkaji manuskrip berkenaan walaupun ia ada diceritakan dalam Hikayat Hang Tuah.

"Manuskrip itu mencebikkan mengenai Hang Tuah sebagai wakil Sultan datang ke negara itu ketika pemerintahan Uthmaniyyah iaitu Sultan Muhamad Al Fateh.

"Malah, ada juga bukti yang mengatakan anak perempuan Sultan Muhamad Al Fateh berkahwin dengan Sultan Alaudin Riayat Shah